

FEBRUARI  
2024

Raya  
Kemunting

**PKNP**

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

## PKNP TURUT SERTA PERARAKAN KENDERAAN BERHIAS KARNIVAL RAKYAT PAHANG KUANTAN



KDYMM Sultan Pahang bersama-sama KDYMM Tengku Ampuan Pahang dan KDYMM Tengku Mahkota Pahang menyaksikan perarakan kereta berhias

Kuantan, 3 Februari - PKNP dengan gabungan bersama dua (2) lagi Badan Berkanun Negeri di bawah Payung Invest Pahang telah menyertai Perarakan Kenderaan Berhias Karnival Rakyat Pahang bertempat di Padang Kemunting Kuantan.

Perarakan Kenderaan Berhias yang menyaksikan sebanyak 20 penyertaan yang terdiri dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setiap daerah dan juga Badan-Badan Berkanun Negeri telah dimeriahkan

dengan keberangkatan, KDYMM Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustai'in Billah dan KDYMM Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Turut hadir di pentas utama sebagai tanda sokongan adalah Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Y.H.Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan isteri Y.Bhg. Datin Zuhaira binti Zainordin.



Perarakan Kereta Berhias PKNP gabungan bersama agensi di bawah payung Invest Pahang, iaitu Yayasan Pahang dan Pahang Corporation

## MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN

Kuantan, 23 Februari - Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Badan-Badan Korporat anjuran Pusat Kutipan

### ZAKAT PERNIAGAAN

DISEMPURNAKAN OLEH  
ULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFABILLAH SHAH  
L-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
DAH, DK (PERLIS), DK (TERENGGANU), DK (JOHOR), SIRI  
OF THE STATE OF THE REPUBLIC OF TURKEY,  
OF THE ORDER OF SAIN-CHARLES (MONACO)

TERAMAT HASSANAH TENGKU MAHKOTA PAHANG  
ULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFABILLAH SHAH

2024 1445 H/3F  
DODAR KUANTAN, 25200 KUANTAN, PAHANG

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG (PKNP)  
MAHLUMAH ISLAM DAN AGAM SEASAM MELAYU PAHANG

RM 1,900,000.00

Sesi Penyerahan Zakat Perniagaan PKNP oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP kepada KDYMM Tengku Mahkota Pahang

Zakat Pahang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustai'in Billah bertempat di Astana Ballroom, Grand Darulmakmur Hotel, Kuantan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek turut hadir mewakili PKNP bagi sesi penyerahan zakat perniagaan sebanyak RM 1,900,000.00 kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustai'in Billah dalam majlis penyerahan zakat tersebut

Hadir bersama pada majlis tersebut adalah Yang Amat Mulia Tengku Amir Nasser Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Ketua-Ketua Badan-Badan Korporat dan wakil dari Pusat Kutipan Zakat Pahang dan jabatan/agensi yang terlibat.



## TAHNIAH PKNP MENANGI KATEGORI PERAK DI ANUGERAH PERAK DI ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTI RASUAH (AIGA) 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP mewakili PKNP bagi menerima anugerah AIGA 2023

Kuantan, 22 Februari - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) berjaya memenangi kategori Perak bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 Peringkat Kebangsaan yang telah berlangsung di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya.

Majlis penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM), YBhg. Datuk Nor Yahati Awang.

Penganugerahan yang diterima ini menunjukkan komitmen yang tinggi oleh Pengurusan Tertinggi, Pengurus-Pengurus Bahagian/Unit serta seluruh anggota pekerja PKNP terhadap pembudayaan dan pengamalan integriti.

Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada sektor awam dan sektor swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus serta inisiatif anti rasuah dalam organisasi masing-masing.

Sebanyak 154 buah agensi telah menyertai anugerah dari seluruh negara yang terdiri daripada 95 agensi dari sektor awam, dan 59 agensi dari sektor swasta telah menyertai AIGA iaitu peningkatan sebanyak 38 % berbanding penganjuran pada tahun 2022.

Hadir dalam majlis tersebut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan Pengurus Pengurusan Kualiti, Risiko & Integriti, Puan Marlia binti Osman.

## MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN KELAB KELUARGA KUMPULAN & TABUNG KHAIRAT KEMATIAN KELUARGA KUMPULAN PKNP KALI KE-19



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP sedang menyampaikan ucapan perasmian

Kuantan, 28 Februari - Mesyuarat Agung Dwitahunan Kelab Keluarga Kumpulan & Tabung Khairat Kematian Keluarga Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Kali Ke-19 bagi Sesi 2024-2025 telah berlangsung dengan jayanya bermula pada pukul 9 pagi.

Mesyuarat ini telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengurus Tabung Khairat Kematian Keluarga Kumpulan PKNP, Encik Rahmat bin Hussin dan Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Encik Nasry bin Kassim. Majlis yang berlangsung di Dewan EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar. Dalam ucapan, beliau turut merakamkan penghargaan dan tahniah kepada barisan Ahli Jawatankuasa atas dedikasi dan komitmen yang diberikan sepanjang sesi yang lepas.

Turut dimuatkan dalam majlis tersebut adalah tayangan montaj aktiviti kelab 2022-2023, diikuti dengan acara penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Sesi 2022-2023. Mesyuarat dimulakan sejurus selesainya majlis perasmian dan antara agenda mesyuarat agung yang dibincangkan termasuklah pembentangan laporan aktiviti, laporan kewangan serta usul-usul yang dicadangkan. Sesi pengundian dan pelantikan Ahli Jawatankuasa baharu bagi Sesi 2024-2025 telah dilaksanakan secara atas talian oleh kira-kira 161 orang ahli yang hadir.

Bersempena mesyuarat ini juga, turut diadakan sesi Cabutan Bertuah dimana sebanyak 70 hadiah telah disediakan oleh pihak Urusetia. Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli kelab atas kejayaan, kelancaran dan sambutan penganjuran majlis ini.



Sesi Pengundian Ahli Jawatankuasa Baharu sedang dilakukan oleh ahli mesyuarat secara atas talian

## LAWATAN KERJA KE KAWASAN PERINDUSTRIAN DI BAWAH SELIAAN PKNP

Kuantan, 19 Februari - PKNP selaku One-Stop-Agency Sektor Perkilangan Negeri Pahang amat berbesar hati menyelaraskaan satu lawatan kerja buat Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang iaitu YB. Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohammad Najib baru-baru ini.

Lawatan kerja ini secara tidak langsung telah memberi ruang kepada para pelabur untuk berinteraksi secara eksklusif bersama YB. Dato' Mohamad Nizar dalam perkongsian pencapaian serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pekilang dalam industri yang diceburi mereka.

Dikesempatan ini juga, YB. Dato' Mohamad Nizar serta para jemputan berpeluang untuk melihat sendiri operasi-operasi yang dijalankan di Kilang ND Paper (Malaysia) Sdn. Bhd., di Kawasan Perindustrian Bentong IIB, Kilang Passcorp Paper Industries Berhad di Kawasan Perindustrian Bentong I, serta Kilang Ketech Asia Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Padang Tengku, Lipis.



Para peserta Lawatan Kerja bergambar bersama-sama wakil Syarikat ND Paper (Malaysia) Sdn. Bhd

## CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA DAN MEMBAIK PULIH PROJEK SKIM PERUMAHAN KOS RENDAH (SPKR) DI ATAS TANAH KERAJAAN DI TAMAN JAYA DIRI, MUKIM CHENOR, PAHANG



Yang Dipertua Majlis Daerah Maran sedang mempengerusikan mesyuarat penyelaras projek

Kuantan, 2 Februari - Satu mesyuarat penyelaras berhubung Cadangan Pembangunan Semula dan Membaikpulih Projek Skim Perumahan Kos Rendah (SPKR) di atas Tanah Kerajaan di Taman Jaya Diri, Mukim Chenor, Pahang Darul Makmur telah diadakan baru - baru ini di Bilik Mesyuarat Utama, Majlis Daerah Maran dan dipengerusikan oleh YH. Dato' Sharuddin bin Jali, Yang Dipertua Majlis Daerah Maran yang juga merupakan Pegawai Daerah Maran.

Mesyuarat yang dihadiri oleh YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dan YH. Dato' Ahmad Islanizam bin A. Halim, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Pahang bertujuan membincangkan isu - isu berkaitan bagi perlaksanaan projek tersebut.

Cadangan pembangunan semula dan membaikpulih projek tersebut yang terbengkalai setelah sekian lama dijangka dapat memberi manfaat kepada rakyat dan penduduk Maran khususnya.

## PROGRAM DIGITALISASI : CABARAN, PELUANG DAN INSENTIF MASA KINI DI PAHANG REST HOUSE @ RAUB



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP dan Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan bersama-sama EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Pahang

Raub, 22 Februari - PKNP menerusi Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan dengan kerjasama Kluster Pekerjaan, Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang telah menganjurkan Program Digitalisasi : Cabaran, Peluang dan Insentif Masa Kini bertempat di Pahang Rest House @Raub.

Program yang dihadiri seramai 60 orang peserta dalam kalangan usahawanita ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Sabariah binti Saidan, Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Pahang.

Turut hadir dalam majlis ini adalah YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaluddin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, Encik Nasry bin Kassim, Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan PKNP serta pegawai-pegawai.

Puan Saniyah Mohamed dari SAR Endeavor Sdn Bhd berkongsi mengenai cabaran dan peluang dalam GIG Ekonomi masa kini dan Maxis Sdn Bhd yang diwakili puan Elly Norazlina turut dijemput dan berkongsi berkenaan geran digital MADANI yang boleh diterima oleh setiap usahawan sehingga RM5,000 setiap seorang.

Akhir sekali, Sis Lliaa dari Hub Usahawan Pahang merangkakan geran-geran kerajaan yang ada dan boleh dipohon oleh setiap PMKS sehingga RM100,000.

## PERARAKAN KENDERAAN BERHIAS KARNIVAL RAKYAT



## MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN KELAB KELUARGA KUMPULAN & TABUNG KHAIRAT KEMATIAN KELUARGA KUMPULAN PKNP KALI KE-19



## PROGRAM DIGITALISASI : CABARAN, PELUANG DAN INSENTIF MASA KINI DI PAHANG REST HOUSE @ RAUB



PENAUNG / PENASIHAT  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

*Sidang Redaksi*

KETUA EDITOR  
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

GRAFIK  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar